

PENDAFTARAN

Peserta hendaklah membuat pendaftaran secara atas talian di buah.mardi.gov.my

YURAN

Peserta	RM200
---------	-------

- Yuran pendaftaran tidak termasuk caj bank

PEMBAYARAN

Bayaran hendaklah dibuat kepada

Nama Akaun	Dana Persidangan MARDI
No Akaun	8002159290
Nama Bank	CIMB Bank
Alamat Bank	CIMB Bank Berhad, Serdang Perdana, Tingkat Bawah & Mezzanine, No. 33 Jalan SP2/1, Taman Serdang Perdana, 43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia
Rujukan Pembayaran	Mohon dimasukkan BUAH2021, nama penuh peserta dan emel confexh@mardi.gov.my sebagai rujukan pembayaran semasa membuat pembayaran atas talian

PERTANYAAN LANJUT

Berkaitan program, kertas kerja, poster dan oral:

Dr. Farah Farhanah Haron
Tel: 03-8953 6264/6261
E-mel: teknikal.buah@mardi.gov.my

Berkaitan penyertaan tajaan dan iklan:

Dr. Zulhazmi Sayuti
Tel: 03-8953 6263
E-mel: tajaan.buah@mardi.gov.my

Berkaitan pendaftaran dan pembayaran yuran:

Mohd Shahrul Nizwanshah Karim
Tel: 03-8953 6937/ 6803
Faks: 03-8953 6789
E-mel: buah@mardi.gov.my

PERSIDANGAN MAYA



buah.mardi.gov.my



INTERNATIONAL YEAR OF
FRUITS AND VEGETABLES
2021

PERSIDANGAN BUAH-BUAHAN KEBANGSAAN 2021

Buah-Buahan: Ke Arah Memperkasakan
Industri Pertanian Negara

6–8 April 2021

Penganjur:



Disokong oleh:



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

LATAR BELAKANG

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, industri buah-buahan Malaysia telah berkembang pesat berikutan permintaan tempatan dan global yang kian meningkat, selain usaha kerajaan melalui pelbagai inisiatif serta dasar seperti Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 yang diwujudkan untuk mentransformasikan industri buah-buahan. Malaysia juga mempunyai kelebihan dari segi kepelbagaiannya spesies buah tropika dan keadaan iklim yang memberangsangkan untuk penanaman buah-buahan. Adalah penting kelebihan ini dimanfaatkan sepenuhnya, terutama sekali dengan peningkatan permintaan global untuk buah-buahan eksotik, agar Malaysia dapat menjadi negara pengeksport terunggul di dunia.

Kebelakangan ini, Malaysia telah memfokuskan ke arah peningkatan pengeluaran buah-buahan premium untuk tujuan eksport, selain dijadikan sumber kekayaan baharu negara. Pelbagai strategi sedang rancak dipergiatkan untuk meluaskan penanaman dan meningkatkan pengeluaran untuk eksport. Namun

demikian, Malaysia masih ketinggalan dari segi menembusi pasaran global bagi buah-buahan tropika jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam dan Filipina. Pendekatan yang agresif diperlukan untuk meningkatkan pengeluaran dan pemasaran buah-buahan tropika yang lain disamping meningkatkan kebolehsaingan negara di peringkat antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan International Tropical Fruits Network (TFNet) akan menganjurkan satu Persidangan Buah-buahan Kebangsaan untuk mengumpul kesemua pihak berkepentingan industri buah-buahan tempatan bagi membincangkan isu-isu berkait. Dengan adanya persidangan ini, pelbagai permasalahan dapat diketengahkan dan pandangan daripada kesemua pihak berkepentingan dapat dirumuskan ke arah mempertingkatkan impak industri buah-buahan tropika sebagai penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia.

OBJEKTIF

Persidangan ini bertujuan untuk menilai dan membincangkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport buah-buahan tempatan. Objektif khusus persidangan ini adalah untuk:

- 1 Mengenalpasti potensi buah-buahan tempatan untuk pasaran domestik dan antarabangsa;
- 2 Mengetengahkanteknologi dan inovasi terkini bagi meningkatkan produktiviti dan memperkasakan industri buah-buahan tempatan;
- 3 Membincangkan strategi bagi meningkatkan daya saing buah-buahan tempatan seperti penambahbaikan rantaian bekalan dan rantaian nilai dari segi infrastruktur, pemprosesan, dan pemasaran;
- 4 Meningkatkan kerjasama di kalangan pemain industri buah-buahan tempatan seperti agensi kerajaan, pengimport/pengeksport, pengusaha besar serta pekebun-pekebun kecil dan sederhana



SKOP PERSIDANGAN

Pelbagai aspek disiplin yang akan diperbincangkan dalam persidangan seperti:

- Pembibitan dan Agronomi
- Fisiologi Tanaman dan Pertumbuhan
- Pengurusan Nutrien dan Baja
- Pengurusan Perosak dan Penyakit
- Pengendalian Lepas Tuai
- Pemprosesan Makanan dan Pembangunan Produk
- Bioteknologi
- Mekanisasi dan Automasi
- Biodiversiti dan Persekutaran
- Ekonomi dan Pemasaran

SESI TEKNIKAL

Sesi mengikut topik:

1. Situasi Semasa dan Halatuju Industri Buah-Buahan Tempatan
2. Amalan Perladangan Terbaik
3. Penambahbaikan Rantaian Nilai
4. Pengurusan Perosak dan Penyakit Buah-Buahan
5. Nutrisi, Pemprosesan dan Produk Tambah Nilai
6. Potensi Buah-Buahan Lain
7. Trend Pengguna, Pasaran dan Perdagangan

JEMPUTAN KERTAS KERJA POSTER

- Abstrak dalam Bahasa Melayu, tidak melebihi 300 patah perkataan.
- Abstrak hendaklah mengandungi tajuk, nama penulis, alamat organisasi, abstrak, dan kata kunci. Contoh dan format abstrak boleh dirujuk di portal rasmi buah.mardi.gov.my
- Abstrak boleh dihantar ke teknikal.buah@mardi.gov.my

SAIZ POSTER : Potret 18 x 28 inci

TARIKH PENTING

Tarikh akhir penghantaran abstrak : **15/3/2021**

Tarikh akhir penajaan dan iklan : **15/3/2021**

Tarikh akhir pendaftaran : **2/4/2021**

SIAPA YANG PATUT HADIR?

- Penyelidik
- Pegawai agensi kerajaan
- Ahli akademik
- Pemain industri (Syarikat/ Pengeluar/ Pengeksport)
- Pelajar
- Petani & Usahawantani
- Lain-lain berkepentingan

TAJAAJAN DAN IKLAN

Individu, syarikat dan organisasi dijemput untuk menyertai pakej tajaan dan iklan (emas, perak dan gangsa) yang ditawarkan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan masing-masing kepada para peserta yang terlibat dalam industry buah-buahan. Maklumat lanjut boleh didapat di portal rasmi buah.mardi.gov.my